

(DARI kiri) *Mille Nudibranch*, *Pink Narry Shrimp* dan *Tiger Shrimp* antara spesies yang ditemukan di Pulau Bum Bum.

AG. AHMAD ZAKI melakukan selaman makro.

Pulau Bum Bum tapak selaman makro

Oleh ASMIDAR ZAINOL

MALAYSIA balai mempunyai tapak Penyelaman Makro tersendiri di Sabah setanding dengan yang terdapat di luar negara.

Untuk tujuan itu Pejabat Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) Sabah bekerjasama dengan Pusat Penyelidikan Ekosistem Marin (Ekomar) Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyediakan profil biodiversiti marin di Pulau Bum Bum, Semporna bagi persediaan kepada penyelam yang berminat dengan aktiviti mengambil gambar makro dan berpotensi menjadi produk pelancongan saintifik.

Pengarahnya, Ag Ahmad Zaki Abu Bakar berkata, pihaknya telah mengata pasti Pulau Bum-Bum sebagai salah satu tapak selaman makro di negara ini. "Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, kita menemui beberapa lokasi yang amat kaya dengan pelbagai hidupan marin beraziz kecil dan unik di

kawasan berkenaan.

"Sebanyak 14 tapak selaman telah diteroka dan lapan daripadanya telah dipetakan sebagai lokasi berpotensi bagi penyelaman makro.

"Oleh itu, kita berharap lebih ramai penyelam dan penyelidik akan datang ke sini untuk meneroka lokasi ini," ujarnya.

Menurut Ag. Ahmad Zaki, antara aktiviti yang dilaksanakan oleh MOTAC Sabah bersama Ekomar-UKM adalah mendokumentasikan penemuan-penemuan makro di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan yang berpotensi tinggi habitat hidupan marin kecil.

Bagi tujuan tersebut, pihaknya turut mendapat sokongan daripada Persatuan Pelancongan Semporna dan Persatuan Penyelam Profesional

Semporna (SPDA) melibatkan seramai 10 sukarelawan bersama-sama meninjau dan membuat kajian di lokasi sekitar pulau berkenaan.

Dengan penemuan lokasi-lokasi ini, ia secara tidak langsung membuka satu lagi keumikan aktiviti merakam imej dan video dasar laut iaitu menggunakan kamera bersama lensa makro khusus bagi menghasilkan imej dengan nisbah pembesaran 1:1.

Ini kerana ada antara kehidupan marin bersifat mikro ini bersaiz kecil dan halus sekitar 0.05 hingga 5 sentimeter (sm) iaitu lebih kecil daripada bizon menyebabkan ia tidak dapat dilihat oleh penyelam.

"Banyak kehidupan marin yang menarik datang dalam saiz sangat kecil yang memerlukan kesabaran dan tumpuan selain

peralatan yang khusus untuk merakam visual hidupan mikro ini.

"Sememangnya ia merupakan aktiviti yang mencabar memandangkan saiz hidupan mikro ini agak sukar untuk dilihat.

"Selain itu, ketahanan mental juga memainkan peranan penting kerana kawasan agak berlampir pada waktu malam selain terpaksa membawa pelbagai peralatan serta bekalan oksigen yang terhad.

"Walaupun bagaimanapun,

AG. AHMAD ZAKI (kiri) dan Azman Abdul Rahim bersalaman selepas selesai laksanakan kajian mikro di Pulau Bum Bum, Sabah.

